



## KENYATAAN/SIARAN AKHBAR

Perbadanan Putrajaya (PPj) ingin merujuk kepada artikel berjudul 'Lebih Relaxed Memandu' yang disiarkan melalui segmen Setempat, Harian Metro pada 24 Disember 2009.

Dari artikel ini jelas menunjukkan bahawa masalah kesesakan lalu lintas serta kekurangan Tempat Letak Kereta (TLK) di Putrajaya bukanlah kerana ketidakcukupan kemudahan tersebut tetapi lebih kepada sikap pengguna yang tidak bersedia untuk mengubah paradigma mereka terhadap penggunaan sistem pengangkutan awam.

'Park n Ride' (P&R), yang disediakan di Presint 1 dan Presint 7 mempunyai kemudahan lebih daripada 2,400 ruang TLK. Sementara itu, perkhidmatan bas yang disediakan ialah setiap 10 – 15 minit. Malah, pihak PPj bersedia untuk meningkatkan kekerapan bas ini bagi mengurangkan masa menunggu jika sambutan pengguna menggalakkan. Pada masa yang sama, perkhidmatan pengawal keselamatan juga disediakan di kedua-dua kawasan P&R ini.

PPj yakin, dengan perubahan sikap dan pandangan pengguna terhadap sistem pengangkutan awam serta kemudahan yang berkaitan, masalah kesesakan lalu lintas dan kekurangan TLK yang kian meruncing di Presint 1, Putrajaya dapat diatasi secara bersama.

PPj sekali lagi ingin menyeru semua pengguna untuk menggunakan perkhidmatan P&R yang telah disediakan bagi mengurangkan masalah kesesakan lalu lintas dan kekurangan TLK di Putrajaya.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.



**( ZAHARAH SALAMAT )**  
**Timbalan Pengarah Kanan Perhubungan Awam**  
b.p. Presiden Perbadanan Putrajaya

Tarikh: 30 Disember 2009

---

Disediakan oleh Bahagian Perhubungan Awam untuk PERBADANAN PUTRAJAYA -  
Tel: 03-8887 7033 Faks: 03-8887 5013

Akhbar : Harian Metro  
Segmen : Setempat  
M/s : 24  
Tarikh : 24 Disember 2009

>>Oleh Siti Anum  
Che Ab Wahab  
an@hmetro.com.my

**P**UTRAJAYA: 'Melecehkan'. Hanya itu reaksi seorang kakitangan kerajaan berhubung penggunaan kemudahan Park & Ride yang disediakan Perbadanan Putrajaya (PPJ) bagi mengatasi kesesakan lalu lintas di sekitar Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan di sini, terutama pada waktu puncak.

Walaupun kemudahan itu disediakan sejak beberapa tahun lalu, kecenderungan pemilik kenderaan terutama kakitangan kerajaan di sini, mendukacitakan.


Kebanyakan mereka lebih rela memandu kenderaan sendiri ke pejabat berbanding menggunakan perkhidmatan bas ditawarkan sebaik saja meletakkan kenderaan mereka di kawasan ditetapkan.

Keadaan itu menyebabkan kesesakan lalu lintas berikutan petak letak kenderaan yang berkurangan menyebabkan kenderaan diletak di tepi jalan.

Kakitangan Kementerian Pelajaran, Nor Malina Ramli, 26, berkata dia memilih untuk memandu kenderaan sendiri ke pejabat kerana lebih selesa dan mudah bergerak ke mana-mana, selain keselamatan lebih terjamin

# Lebih rela memandu

Ramai tidak guna kemudahan Park & Ride di Putrajaya



NOR MALINA...selesa pandu kereta

berbanding meletakkan kenderaan di kawasan Park & Ride disediakan.

"Lebih baik saya memandu sendiri kerana jika berlaku kecemasan, tidak perlu membazirkan waktu untuk menunggu bas.

"Selain itu, saya juga lebih

yakin dengan keselamatan kawasan tempat letak kereta di sekitar pejabat yang dilengkapi pengawal keselamatan bagi memantau kenderaan yang diletakkan di kawasan berkenaan," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Sementara itu, seorang pengawal keselamatan yang bertugas di Kompleks E, mendakwa, kesesakan di kompleks itu berpunca sikap pemilik kenderaan yang meletakkan kenderaan di tepi jalan, sekali gus menghalang lalu lintas.